

PM akan jelaskan isu2 politik semasa

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberi taklimat mengenai isu-isu politik semasa dalam sidang Dewan Tertinggi Barisan Nasional yang dijadualkan 7 Mei ini.

Perdana Menteri, selaku Pengerusi Barisan Nasional, juga akan menyentuh segala perkembangan yang berlaku di negara ini dalam sidang itu, yang akan bermula pada jam 9 pagi di Ibu Pejabat Barisan Nasional.

Mesyuarat itu, buat pertama kali tahun ini, dijangka akan dihadiri oleh semua presiden parti anggota Barisan Nasional, kata Setiausaha Kerja Barisan Nasional, Encik Kip Bahadun, hari ini.

Encik Kip berkata, mesyuarat itu juga akan mengesahkan perlantikan Setiausaha Agung, Bendahari dan lain-lain anggota Majlis Tertinggi itu kerana ada beberapa perubahan dalam jawatankuasa parti-parti anggota sejak mesyuarat diadakan tahun lalu.

Semua parti anggota diminta menghantar nama tiga orang wakilnya yang akan menghadiri mesyuarat itu sebelum akhir bulan ini. — Bernama.